



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 18 April 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Asing petrol dan diesel untuk diseludup

**TUMPAT:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) membongkar taktik licik seorang lelaki tempatan yang mengubah suai tangki sebuah kenderaan pacuan empat roda untuk tujuan penyeludupan ke negara jiran, Thailand.

Suspek ditahan pada pukul 3.45 petang kelmarin di sebuah stesen minyak di Wakaf Bharu di sini menerusi Operasi Bersepadu KPDN Kelantan bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor.

Pengarah KPDN negeri, Azman Ismail berkata, anggota bertugas menjumpai sebanyak 75 liter petrol dan 15 liter diesel dalam tangki yang diubah suai untuk mengasingkan kedua-

dua bahan bakar itu.

"KPDN Kelantan turut merampas empat helai resit pembelian minyak dari stesen berkenaan dan pacuan empat roda Mitsubishi Pajero. Nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM15,198.45.

"Kes kini disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Tambah Azman, pihaknya turut menjalankan siasatan ke atas stesen minyak terlibat yang dipercayai melanggar Arahan Pengawal Bekalan.

Katanya, beberapa dokumen termasuk dokumen jual beli bahan bakar, salinan lesen, buku stok serta rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dirampas untuk siasatan lanjut.



**KENDERAAN** pacuan empat roda yang digunakan untuk menyeludup bahan bakar bersubsidi berjaya dirampas dalam serbuan di Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan.

## Rumah mentua dijadikan sebagai lokasi selewang LPG

**Bayan Lepas:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) menumpaskan aktiviti penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) apabila menyerbu sebuah rumah di Kampung Jawa, di sini, kelmarin.

Seruan dilakukan jam 2 petang itu oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Pulau Pinang selepas risikan selama tiga minggu.

Pengarah KPDN negeri S Jegan berkata, ketika seruan seorang lelaki berusia 40-an didapati memindahkan cecair berkenaan dari tong bersaiz 14 kilogram (kg) ke tong bersaiz 50kg.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut turut menemukan lori di premis berkenaan mengandungi pelbagai tong gas LPG termasuk

**“Beberapa peralatan yang digunakan bagi kegiatan ini termasuk lori disita bagi tindakan lanjut”**

*Pengarah KPDN negeri S Jegan*

berisi dan tidak berisi membabitkan pelbagai jenama.

“Pemeriksaan juga mendapati pemilik premis gagal mengemukakan sebarang dokumen sah berkaitan pemilikan dan penyimpanan barang kawalan berjadual iaitu tong LPG.

“Beberapa peralatan yang digunakan bagi kegiatan ini termasuk lori di-

sita bagi tindakan lanjut,” katanya.

Jegan berkata, 90 tong LPG pelbagai jenama seberat 498kg dan beberapa dokumen disita dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM30,546.

Menurutnya, siasatan awal mendapati aktiviti terbabit dijalankan sejak enam bulan lalu dan disediakan mengikut tempahan pelanggan.

“Rumah milik mentua lelaki terbabit di kawasan perumahan itu menjadi lokasi bagi kerja pemindahan cecair berkenaan dan ia didapati berisiko kerana dilakukan tanpa prosedur keselamatan.

“Kita akan menyiasat sama ada aktiviti itu turut membabitkan individu lain,” katanya.



JEGAN (kanan) menunjukkan gas LPG yang dipindahkan oleh suspek di sebuah premis kediaman di Kampung Jawa, Bayan Lepas. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

## KPDN serbu lapan premis di Brickfields jual barang kawalan tanpa lesen

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyerbu lapan premis perniagaan runcit dan restoran di sekitar Brickfields di sini malam kelmarin, kerana disyaki menjual barang kawalan tanpa lesen sah.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri KPDN Kuala Lumpur Mohd Shahrin Mohd Arshad berkata, serbuan bermula 9 malam itu dijalankan bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Hasil serbuan, sebanyak 238 kilogram (kg) minyak masak peket, 64 peket tepung gandum dan 75 peket gula serta 28 tong gas petroleum cecair (LPG) dirampas dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM5,500," katanya kepada pemberita selepas operasi berakhir.

Mohd Shahrin berkata, tindakan ini dibuat susulan penularan video di media sosial yang memaparkan beberapa premis dikedalikan oleh warga asing tidak mempamerkan tanda harga serta menjual barang kawalan seperti gula, minyak masak, tepung dan gas petroleum cecair (LPG) tanpa kebenaran.

itu, empat kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen



**SERBUAN:** Anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lumpur melakukan pemeriksaan semasa serbuan Ops Kita Gempur yang dijalankan ke atas beberapa premis perniagaan runcit di sekitar Brickfields, Kuala Lumpur, kelmarin. — Gambar Bernama

21 Akta Kawalan Bekalan 1961, Peraturan 3(1) dan Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 kerana urusan niaga dan penyimpanan barang kawalan tanpa lesen atau permit bertulis.

"Kami turut mengeluarkan enam kompaun bernilai

RM3,000 atas kesalahan tidak mempamer penanda harga barang jualan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 serta menggunakan alat timbang dan sukat yang tidak ditentusahkan di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972," katanya.

Sementara itu, pihak DBKL turut mengeluarkan tujuh notis kompaun serta empat notis penutupan premis atas pelbagai pelanggaran peraturan pihak berkuasa tempatan.

Mohd Shahrin menegaskan pihaknya tidak akan berkompromi terha-

dap mana-mana pihak yang mengeksploitasi barang kawalan untuk kepentingan sendiri, dan menyeru orang ramai untuk menyalurkan maklumat sekiranya mereka mengesyaki berlaku penyelewengan atau penyalahgunaan barang kawalan di pasaran. — Bernama

## Labuan KPDN appoints two local figures as Consumer Community Mobilisers

**LABUAN:** The Labuan branch of the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) has appointed two well-known individuals from the local community as 'Penggerak Komuniti Pengguna' (PKP) or Consumer Community Mobilisers, in a move to enhance grassroots-level monitoring and engagement on consumer affairs.

Its director, Junaidah Arbain said these individuals would serve as the ministry's 'eyes and ears', playing a vital role in bridging the gap between consumers and the government by identifying issues, disseminating information, and supporting enforcement and advocacy efforts in their respective localities.

"Their responsibilities include recommending and supporting programmes related to consumer education and protection, collecting relevant data and information on local consumerism issues, and assisting KPDN in carrying out consumer-focused initiatives," she said at the presentation of the appointment letters at

KPDN office on Thursday.

Junaidah said they would also be involved in guiding and educating members of the public on consumer rights, attending seminars and workshops to build capacity, and raising awareness through social media channels.

"Additionally, the PKP will be tasked with guiding as well as lodging complaints to the Consumer Claims Tribunal on behalf of affected consumers and participating in scheduled meetings with the minister and deputy minister as well as state-level KPDN representatives," she said.

Junaidah also said they are required to submit monthly reports to the ministry summarising consumerism-related developments, challenges and community feedback. She added that the initiative underscores the ministry's proactive efforts to enhance consumer advocacy at the local level and to ensure that key consumer issues are addressed promptly and efficiently through community-based collaboration.  
— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

MENIPU atas nama agama seperti mempromosikan pakej umrah palsu merupakan satu jenayah yang berat.



## Umrah sebagai alat kaut untung perbuatan hina, keji - Mohd Na'im

**M**ENJADIKAN ibadah umrah sebagai alat mengaut keuntungan adalah perbuatan yang hina dan keji, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Merujuk kes penipuan perkhidmatan umrah melibatkan penggunaan wajah selebriti dan ahli keluarga mereka, Mohd Na'im berkata, menipu atas nama agama adalah jenayah berat dan ALLAH SWT melarang sekeras-kerasnya perbuatan itu seperti terkandung dalam al-Quran, surah Al-Baqarah ayat 188.

"Saya ingin merakamkan simpati dan solidariti kepada semua yang telah menjadi mangsa penipuan ini. Menipu dalam urusan ibadah adalah satu pengkhianatan besar terhadap agama, terhadap amanah umat Islam dan terhadap nilai kemanusiaan.

"Menjadikan ibadah suci sebagai alat untuk mengaut keuntungan adalah perbuatan yang hina, keji dan tidak akan terlepas daripada pembalasan dunia dan akhirat," katanya baru-baru ini.

Beliau berkata kerajaan tidak akan berdiam diri dan tindakan undang-undang yang tegas bakal



DR MOHD NA'IM

diambil terhadap mana-mana individu, kumpulan atau syarikat yang terlibat dalam penipuan perkhidmatan umrah.

Sehubungan itu, Mohd Na'im menyeru semua pengendali perkhidmatan umrah agar sentiasa memelihara integriti, amanah dan tanggungjawab terhadap

pelanggan.

Beliau berkata orang ramai pula perlu menyemak dan memastikan agensi umrah terlibat, berdaftar dan sah di sisi undang-undang sebelum membuat pembayaran.

"Jangan mudah percaya dengan gambar artis, testimoni atau video yang belum tentu sahih dan sentiasa periksa latar belakang syarikat serta perkhidmatan ditawarkan," katanya sambil menambah mangsa atau saksi penipuan diminta segera membuat laporan kepada pihak polis dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Baru-baru ini, selebriti popular Neelofa meminta seorang lelaki berhenti menjalankan kegiatan penipuan perkhidmatan umrah dengan menggunakan wajah ibunya Datin Noor Kartini Noor Mohammed dan adiknya, Ameera Khan. - Bernama

KOSMO! JUMAAT 18 APRIL 2025

NEGARA! 3



KEADAAN kedai emas di Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu semalam yang sunyi tanpa ramai pelanggan berikutan lonjakan harga emas ketika ini.



PEKERJA Wanie & Faizal Gold Diamond, Kota Bharu melayan pelanggan yang datang membeli emas di premis mereka semalam.

## 'Biar untung sikit asalkan boleh jual'

- Peniaga tawar emas pada harga rendah
- Ramai ambil kesempatan jual emas lama

Oleh MOHD. AZLI ADLAN  
dan ROHANA MOHD.NAWI

**KUALA TERENGGANU** - Lonjakan harga emas ke paras tertinggi sehingga mencecah RM515 segram semalam menyaksikan ramai peniaga mula menukar strategik jualan dengan menawarkan harga 'berpatutan' kepada pelanggan bagi setiap pembelian barang kemas.

Menurut mereka, harga semasa emas ketika ini banyak dipengaruhi oleh tarif baharu yang

dikenakan oleh Amerika Syarikat (AS) dan ia lebih tinggi berbanding harga RM450 segram yang dicatat pada bulan Ramadan lalu.

Seorang pengusaha kedai emas di Pasar Besar Kedai Payang di sini, Zakaria Yusoff berkata, kenaikan tersebut mengatasi jangkaan awal iaitu RM500 segram pada hujung tahun ini.

"Memang tidak terkejut dengan kenaikan harga emas ketika ini dan sebagai pengusaha emas di Terengganu, kami juga sudah sepakat menawarkan harga lebih rendah daripada harga siling iaitu RM444 segram.

"Semasa harga RM450 segram pada bulan Ramadan lalu, kami juga tawarkan harga rendah iaitu RM405 segram," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Zakaria berkata, pengusaha kedai emas di Terengganu mengenakan harga lebih murah ber-

tujuan untuk menarik pelanggan agar tetap membeli emas di sebaliknya lonjakan mendadak harga barang kemas itu.

Beliau berkata, persaingan dalam kalangan pengusaha kedai emas tempatan juga tinggi, sekali gus memberi cabaran kepada ramai peniaga sepertinya.

"Pasar Besar Kedai Payang mempunyai 63 pengusaha kedai emas. Biar tidak dapat untung banyak, asalkan urusan niaga terus berlangsung," katanya.

Zakaria berkata, kebanyakan pelanggan yang datang mengurus niaga membuat pembelian secara tukar beli dengan barangan kemas lama.

Di Kota Bharu, kenaikan harga emas mendorong pemilik barang kemas menjual dan menukar barang kemas yang baharu sebagai simpanan.

Setakat semalam, harga se-

masa emas di daerah ini mencapai RM451 segram, berbanding RM440 kelmarin.

Pekerja kedai emas, Normalina Ahmad, 53, berkata, orang ramai mula menyerbu kedai emas sejak semalam untuk menjual dan menukar emas baru selepas mendapati harga emas naik mendadak.

Katanya, setiap hari ada sahaja pelanggan yang datang untuk menjual emas terpakai milik mereka semata-mata untuk memperoleh keuntungan yang berlipat ganda.

"Ada juga yang mengambil peluang menukar emas lama dan bukan sekadar perhiasan diri malah untuk disimpan.

"Malah ada pelanggan yang datang menjual pelbagai corak barang kemas mereka sehingga melebihi RM50,000," katanya.

Noramalina berkata, dia juga

terkejut kerana permintaan terhadap barang kemas tetap tinggi di sebalik lonjakan harga semasa emas ketika ini.

"Orang Kelantan memang suka memakai barang kemas dan mereka tetap membeli walaupun harganya naik.

"Bagaimanapun, selepas sambutan Aidilfitri, trend pembelian agak berkurangan," katanya.

Seorang wanita, Rohani Ibrahim, 61, berkata, dia bergegas ke kedai emas untuk menjual beberapa jenis barang kemas miliknya termasuk rantai tangan dan rantai leher berjumlah RM45,000.

"Saya juga tukar emas lama kepada yang baru untuk simpanan hari tua. Lagipun, harga emas yang tinggi mendorong pemilik barang kemas menjual emas masing-masing," katanya.



**HARGA** emas melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah susulan tarif baharu AS yang mencetuskan kebimbangan pelabur di seluruh dunia.

## Harga emas cecah RM550 segram

### DARI MUKA 1

"Ya benar harga emas ini yang tertinggi dalam sejarah mencecah RM550 segram bagi bar emas. Bagaimanapun, ada kedai mungkin jual pada harga RM540, RM520, RM520 segram. Harga barang emas sekitar RM500 segram."

"Harga emas sebenarnya telah pun naik mendadak sejak tiga tahun lalu dan telah mencecah ke tahap tertinggi dalam sejarah ketika ini disebabkan faktor tarif AS," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Kelmarin, harga emas dilaporkan telah pun melonjak melebihi RM467.84 segram buat kali pertama dalam sejarah apabila pelabur beralih kepada aset selamat berikutan tarif baharu AS. Ketua Strategi Komoditi

Saxo Bank, Ole Hansen dipetik berkata, tindakan terbaharu AS terhadap mineral, cip dan ubat-ubatan mencetuskan gelombang pelaburan ke arah aset selamat, manakala pasaran saham terus menerima tekanan.

Menurut Hansen, unjuran harga emas yang dikemas kini oleh beberapa institusi utama turut meningkatkan keyakinan pelabur untuk terus membeli logam berharga itu.

Media antarabangsa Xinhua pula melaporkan, harga emas di China melonjak ke paras tertinggi dalam sejarah susulan kenaikan berterusan harga emas antarabangsa.

Beberapa jenama emas utama di China mencatatkan harga barang kemas melebihi 1,000 yuan (kira-kira AS\$138.63) segram

yang merupakan paras tertinggi pernah direkodkan.

Hock Yew berkata, kenaikan harga emas membuktikan emas merupakan pelaburan yang paling selamat dalam berhadapan ketidakpastian ekonomi global.

Beliau menjangkakan, bagi kebanyakan pelabur emas jangka masa pendek akan menjual emas mereka untuk mendapatkan keuntungan disebabkan kenaikan harga yang tinggi ketika ini.

"Mungkin dulu mereka beli sekitar RM250 atau RM350 segram, sekarang boleh jual semula RM500 atau RM550 segram. Bagi pelabur jangka masa panjang saya rasa mereka akan tunggu lagi."

"Nasihat saya kepada pelabur emas jangan jual habis semua, simpan juga untuk pelaburan jangka masa panjang," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 18 APRIL 2025**

| TARIKH | TAJUK                                                                  | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                            | MEDIA            |
|--------|------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 18-Apr | Peniaga 'berlakon' konon tak tahu jual barang kawalan kena ada lesen   | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/723327/berita/semasa/peniaga-berlakon-konon-tak-tahu-jual-barang-kawalan-kena-">https://<br/>www.sinarharian.com.my/<br/>article/723327/berita/semasa/<br/>peniaga-berlakon-konon-tak-<br/>tahu-jual-barang-kawalan-kena-</a>                     | SINAR HARIAN     |
| 18-Apr | KPDN Serbu Lapan Premis Di Brickfields Jual Barang Kawalan Tanpa Lesen | <a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2413600">https://www.bernama.com/<br/>bm/jenayah_mahkamah/<br/>news.php?id=2413600</a>                                                                                                                                           | BERNAMA          |
| 18-Apr | Brickfields shops raided for selling controlled goods without licence  | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/17/brickfields-shops-raided-for-selling-controlled-goods-without-licence/173376">https://www.malaymail.com/<br/>news/malaysia/2025/04/17/<br/>brickfields-shops-raided-for-<br/>selling-controlled-goods-without-<br/>licence/173376</a> | MALAYMAIL        |
| 18-Apr | Empat premis di Jalan Thamby Abdullah diarah tutup serta-merta         | <a href="https://malaysiagate.com/2025/04/17/empat-premis-di-jalan-thamby-abdullah-diarah-tutup-septa-merta/">https://<br/>malaysiagate-<br/>zette.com/2025/04/17/empat-<br/>premis-di-jalan-thamby-abdullah-<br/>diarah-tutup-septa-merta/</a>                                                   | MALAYSIA GAZETTE |
| 18-Apr | Brickfields shops raided for selling controlled goods without licence  | <a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/256468/brickfields-shops-raided-for-selling-controlled-goods-without-">https://<br/>www.dailyexpress.com.my/<br/>news/256468/brickfields-<br/>shops-raided-for-selling-<br/>controlled-goods-without-</a>                                           | DAILY EXPRESS    |
| 18-Apr | 19 warga asing ditahan tiada dokumen sah, salah guna permit kerja      | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/723363/berita/semasa/19-warga-asing-ditahan-tiada-dokumen-sah">https://<br/>www.sinarharian.com.my/<br/>article/723363/berita/<br/>semasa/19-warga-asing-<br/>ditahan-tiada-dokumen-sah</a>                                                       | SINAR HARIAN     |
| 18-Apr | Ubah suai tangki pacuan empat roda seludup diesel, petrol              | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/723391/berita/semasa/ubah-suai-tangki-pacuan-empat-roda-">https://<br/>www.sinarharian.com.my/<br/>article/723391/berita/<br/>semasa/ubah-suai-tangki-<br/>pacuan-empat-roda-</a>                                                                 | SINAR HARIAN     |

|        |                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                   |         |
|--------|---------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 18-Apr | 53 Kes Gagal Letak Tanda Harga Dikesan Sepanjang SHMMP 2025 - KPDN Perak              | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2413746">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2413746</a>                                                                                                                                 | BERNAMA |
| 18-Apr | KPDN Raids Eight Premises in Brickfields for Selling Controlled Goods Without Licence | <a href="https://wilayah.com.my/kpdn-raids-eight-premises-in-brickfields-for-selling-controlled-goods-without-licence/">https://wilayah.com.my/kpdn-raids-eight-premises-in-brickfields-for-selling-controlled-goods-without-licence/</a>         | WILAYAH |
| 18-Apr | 20 warga asing ditahan, 8 premis diserbu                                              | <a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/20-warga-asing-ditahan,-8-premis-diserbu">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/20-warga-asing-ditahan,-8-premis-diserbu</a> | RTM     |
| 18-Apr | Lelaki ubah suai tangki untuk seludup bahan bakar bersubsidi ditahan                  | <a href="https://www.utusan.com.my/berita/2025/04/lelaki-ubah-suai-tangki-untuk-seludup-bahan-bakar-bersubsidi-">https://www.utusan.com.my/berita/2025/04/lelaki-ubah-suai-tangki-untuk-seludup-bahan-bakar-bersubsidi-</a>                       | UTUSAN  |